

terhadap stigma masyarakat. Dapatan turut menunjukkan stigma masyarakat dan stigma sendiri berupaya menerangkan 60.7% varians dalam sikap responden untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Fokus perbincangan kajian ini adalah terhadap maklumat berkaitan penawaran perkhidmatan kaunseling dalam komuniti serta pendekatan silang budaya dalam amalan kaunseling bagi mengurangkan stigma. Pengkaji mencadangkan agar pengaruh stigma dikaji berdasarkan perkhidmatan kaunseling yang lebih spesifik seperti kaunseling kerjaya dan menyarankan kepada para kaunselor dalam komuniti untuk menggiatkan program outreach secara proaktif.

BM 14

### **PROSES PSIKOTERAPI INDIVIDU TERHADAP DIRI SENDIRI DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH LAKONAN DALAM PERMAINAN TRADISONAL MAIN PUTRI MAKYUNG.**

**Dr. Rosdeen Suboh**

Pusat Kebudayaan Universiti Malaya

[kudin@um.edu.my](mailto:kudin@um.edu.my)

#### **Abstrak**

Main Puteri Makyung merupakan permainan tradisional Malaysia yang menggabungkan perubatan Main Puteri (juga disebut : Teri, Putri, Patri) dan persembahan Makyung. Secara umumnya ia adalah salah satu kaedah perubatan alternatif untuk membaik pulih penyakit angin (semangat, jiwa, rasa, moral, nafsu, kehendak dan sebgainya) dalam tubuh badan manusia dengan menggunakan struktur persembahan Makyung. Para sarjana menganggap permainan ini dilakukan oleh masyarakat melayu kira-kira 400 tahun lampau. Sehingga sekarang walaupun tidak aktif, Main Puteri Makyung masih wujud di Kelantan Malaysia.

Dari sudut seni persembahan di Malaysia, Main Puteri Makyung digelar total teater kerana memiliki pelbagai elemen yang menjadikannya sebagai sebuah persembahan yang lengkap. Lakonan dalam cerita adalah salah satu elemen utama yang menjadi faktor asas dalam membentuk struktur persembahan. Cerita dalam Main Puteri Makyung adalah rangka persembahan manakala lakonan adalah alat yang menggerakkan individu memperbaiki penyakit anginnnya. Lakonan dalam Main Puteri Makyung akan dibantu oleh seorang pengarah utama (digelar : Tuk Teri), seorang pengarah lakon (pelakon mahir yang pernah berlakon dalam cerita) dan cerita asas iaitu Dewa muda sebagai tapak persembahan. Tuk Teri akan bertindak sebagai pengarah yang membangkitkan kehendak berlakon dari individu, pengarah lakon pula akan membantu pergerakan, suara dan emosi individu. Manakala cerita dewa muda plot yang mempunyai perlambangan kepada struktur badan seorang manusia. Oleh yang demikian lakonan dalam cerita Main Puteri makyung boleh dianggap sebagai satu permainan individu yang menjadi pesakit seterusnya menjadi pelakon yang berlakon dalam cerita Dewa Muda. Oleh itu setiap individu akan menggunakan tubuh badannya sendiri untuk membuat plot lakonannya sendiri kerana ia adalah berdasarkan keperluan badannya sendiri. Justeru, dalam proses lakonan dalam permainan Main Puteri Makyung, setiap individu akan mengenali elemen tubuh badan, memahami perasaan mereka dan akhirnya akan memperbaikinya sendiri sehingga proses selesai. Pengalaman melalui proses ini dianggap satu kaedah terapi terhadap diri individu tersebut. Elemen yang terlibat adalah mental, emosi dan fikiran individu.

Kaedah psikoterapi melalui lakonan dalam permainan atau persembahan ini berbeza dengan kaedah lain kerana ia tidak mempunyai pihak kedua sebagai psikoterapis yang bertujuan memperbaiki keadaan pesakit. Individu diberikan kepercayaan oleh pengarah utama untuk mengendalikan kehendaknya dan seterusnya memperbaiki keadaan dirinya sendiri. Kesemua ini akan berlaku ketika individu melalui proses permainan Main Puteri Makyung sehingga selesai. Pengalaman melalui proses ini berbeza kepada setiap individu kerana ia berdasarkan sepenuhnya terhadap